

24 JAN 2003

Mahathir-Perang/I

KITA SEDANG BERADA DALAM PERANG DUNIA KETIGA, KATA MAHATHIR

Daripada Azman Ujang

DAVOS, 24 Jan (Bernama) -- Mesyuarat Forum Ekonomi Dunia (WEF) Ke-33 bermula pada Khamis dengan peringatan daripada Perdana Menteri Malaysia bahawa dunia sedang berada dalam Perang Dunia Ketiga.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang terkenal dengan kelantangannya, menyelar sikap kepura-puraan dan berat sebelah yang menjadi ciri kepada tindak tanduk beberapa negara berkuasa di dunia, memberitahu pemimpin kerajaan dan ahli perniagaan yang menghadiri mesyuarat enam hari itu bahawa perang itu bukannya terhadap penganas tetapi antara penganas dan sekutu antipenganas yang "cintakan keamanan".

Tanpa menamakan kedua-dua pihak yang terlibat dalam perang itu, Dr Mahathir berkata ia adalah antara Paksi Kejahatan dan Syaitan.

"Tetapi kedua-dua belah pihak percaya mereka adalah betul, bahawa mereka memerangi kejahatan. Kejahatan dan syaitan perlu dihapuskan," katanya pada pembukaan sesi pleno mengenai "Kepercayaan dan Kerajaan bagi Era Baru". Dr Mahathir merupakan seorang daripada enam penceramah pada sesi itu.

Beliau telah diberikan tepukan gemuruh semasa beliau berkata "Saya tidak percaya dalam bercakap mengenai perkara-perkara yang baik sahaja, saya lebih suka katakan apa yang saya rasa benar dan menanganinya."

Dr Mahathir berkata kerana berada dalam ketakutan, dunia telah mengambil pelbagai langkah bagi keselamatan dan pertahanan dengan melibatkan kos tinggi tetapi hasilnya bukannya keselamatan atau kebebasan daripada serangan keganasan.

"Akibat utamanya ialah menjejaskan kehidupan, menjejaskan pelaburan dan perniagaan dan umumnya menjejaskan pertumbuhan ekonomi di seluruh dunia," katanya dalam kenyataan yang dilihat oleh para pemerhati persidangan itu sebagai merujuk kepada Amerika Syarikat yang sedang bersiap sedia untuk melancarkan perang ke atas Iraq yang menurut negara itu sebagai langkah pelucutan senjata dan memastikan Iraq tidak membangunkan senjata pemusnah.

Perang yang bakal dilancarkan ke atas Iraq itu turut memberikan impak kepada suasana mesyuarat di sini dengan Amerika Syarikat menghantar delegasi berpengaruh diketuai Setiausaha Negara Colin Powell dan termasuk Peguam Negara John Ashcroft. Turut hadir ialah bekas Presiden Bill Clinton.

Perdana Menteri turut mengingatkan bahawa perang itu akan berlangsung bagi tempoh yang lama kerana kebencian, kemarahan dan kecewa menyelubungi kedua-dua belah pihak.

Menurutnya: "Kedua-duanya mahu membalas dendam. Kedua-duanya mahu bertindak balas. Anda bunuh rakyat kami, kami bunuh rakyat anda dan sebaliknya. Dan ia akan berterusan. Kedua-dua belah pihak telah hilang kewarasan."

Beliau berkata semua orang di merata tempat kini hidup dalam ketakutan dengan penganas, dan penganas sendiri, penyokong mereka atau mereka yang dikatakan sebagai penyokong penganas juga hidup dalam ketakutan.

"Kita takut menaiki pesawat, kita takut pergi ke negara-negara tertentu, kita takut mengunjungi kelab malam, kita takutkan surat, bungkusan dan kontena kargo, kita takut akan serbuk putih, kasut, orang Islam, pisau kecil, sudu dan garfu besi."

Jelas merujuk kepada Iraq, beliau berkata: "mereka, satu lagi pihak, takutkan sekatan, kebuluran, kekurangan ubat-ubatan. Mereka takut akan pencerobohan ketenteraan, dibom dan ditembak roket, ditawan dan ditangkap."

Dr Mahathir berkata malahan mereka yang berkecuali atau tidak terlibat atau tidak bersalah juga hidup dalam ketakutan.

Menggambarkan orang-orang berkenaan sebagai cagaran sama seperti kes orang awam Afghanistan dan Iraq, beliau berkata penumpang dalam pesawat yang dirampas dan mereka yang bekerja di World Trade Centre di New York pada 11 Sept, 2001 juga adalah cagaran.

Perdana Menteri berkata walaupun dunia sudah menjadi semakin kecil dan dikatakan telah menjadi sebuah perkampungan, penghuninya masih tidak mencapai banyak kemajuan dalam menguruskannya.

Beliau menyamakan keadaan itu dengan Zaman Batu apabila manusia dengan belantan paling besar akan berkuasa manakala dalam perkampungan global yang moden dan canggih, negara yang mempunyai "kuasa membunuh" paling hebat akan berkuasa.

Dr Mahathir, yang telah diberikan tepukan selama lima hingga tujuh minit selepas kenyataan beliau itu, dengan nada kesal berkata: "Apabila perang Dingin tamat, kita fikir bahawa dunia akan menyaksikan keamanan dan kemakmuran. Tambahan pula, orang yang percayakan keamanan dan keadilan sejagat telah menang."

Merujuk kepada kewujudan dunia unipolar yang diperjuangkan setelah berakhirnya Perang Dingin, beliau berkata kehilangan keseimbangan telah mengakibatkan keadilan dan kesamarataan yang didukung telah menjadi tidak seimbang.

Ketika komunis berkuasa, para kapitalis menyembunyikan ketamakan dan sikap buruk mereka dan menunjukkan sifat penuh kemesraan.

"Tetapi kini tiada lagi pihak yang satu lagi. Wajah manis kapitalisme tidak diperlukan lagi.

"Kini para kapitalis boleh buat apa sahaja yang mereka suka dan apa yang mereka suka hanyalah mendapatkan wang bagi diri mereka sendiri," katanya.

Beliau juga menyentuh mengenai kejatuhan perbadanan gergasi Amerika Syarikat seperti Enron, Global Crossing, Arthur Andersen dan United Airlines dalam era bilamana yang besar dianggap cantik dan bagus.

"Malangnya, tiada jaminan bahawa yang besar tidak akan menipu, tidak akan jatuh, tidak akan muflis."

Perdana Menteri juga berkata ketidakseimbangan antara negara-negara kaya dan miskin kini lebih ketara daripada sebelumnya dengan negara kaya mempunyai pendapatan per kapita lebih AS\$30,000 dan negara paling miskin kurang daripada AS\$300.

Mengenai penduduk dunia sebanyak enam bilion, beliau berkata sebanyak satu bilion tidak mendapat makanan mencukupi, kekurangan pakaian dan tanpa rumah untuk berlindung, ramai yang terpaksa menyelongkar tong sampah untuk mencari makanan, pakaian dan bahan-bahan untuk membina tempat tinggal bagi diri mereka.

Mengenai hak asasi manusia, Dr Mahathir berkata orang banyak bercakap mengenainya dan mengenai kesucian nyawa manusia dan menentang hukuman mati.

"Tetapi sebenarnya, seluruh populasi telah dijatuhi hukuman mati dan dalam banyak contoh, hukuman itu telahpun dilaksanakan. Apabila perang diisytiharkan terhadap sebuah negara, hukuman mati telah dijatuhkan terhadap rakyat dan apabila perang dilancarkan, hukuman itu dilaksanakan. Namun kita terus bercakap mengenai kesucian nyawa manusia."

Dr Mahathir berkata eksploitasi dunia oleh mereka yang tamak, berat sebelah dan kepura-puraan mengenai hak asasi manusia dan menghormati nyawa manusia, penindasan ke atas golongan lemah oleh pihak yang kuat, tidak menghiraukan penderitaan manusia, merampas tanah milik orang lain dan pengusiran manusia menjadi semakin teruk apabila berakhirnya Perang Dingin dan kemenangan pihak yang benar mengatasi kejahatan.

"Dengan bermulanya Perang Dunia Ketiga ini, dunia sedang berada dalam

keadaan huru-hara. Kita kini hidup dalam ketakutan, malahan pihak yang kaya juga tidak lagi semakmur dahulu manakala yang miskin sebenarnya menjadi bertambah miskin."

Mengenai tema sesi pleno itu, beliau berkata: "Kita telah tidak menjalankan tugas dengan baik dalam menguruskan perkampungan global kita ini. Tidak wujud kepercayaan dan tidak wujud pentadbiran yang baik."

Perdana Menteri berkata kepercayaan dan pentadbiran baik tidak dapat diwujudkan dalam era baru dengan cara menewaskan musuh menerusi ketenteraan dan memaksa mereka menyerah diri.

Memberikan gambaran mengenai akibat perang seumpama itu, beliau berkata: "Penentangan terhadap 'paksi kejahatan' tidak akan berjaya kerana sasarannya salah. Apa yang akan berlaku sekiranya mereka dapat ditewaskan ialah ia akan menyebabkan kemarahan memuncak dan mengundang lebih banyak balas dendam dan tindak balas oleh mereka yang marah dengan ketidakadilan yang mereka percaya sedang dialami mereka.

"Sebaliknya, pihak yang satu lagi juga tidak akan menang. Musuhnya adalah terlalu besar dan terlalu kuat."

Dr Mahathir percaya kompromi sebagai satu-satunya jalan penyelesaian, dan untuk itu, perlu bagi kepercayaan dibina dan ia perlu diusahakan oleh mereka yang baik.

Menyentuh mengenai serangan 11 Sept dan tindakan keganasan lain, beliau berkata: "Mereka juga perlu menerima hakikat bahawa orang tidak akan mengikat bom pada tubuh mereka atau meletupkan kapal terbang hanya untuk suka-suka. Mereka pastinya mempunyai sebab tertentu sehingga sanggup melakukannya.

"Kita perlu kenal pasti sebab-sebab itu dan mengatasinya. Dengan melancarkan keganasan bagi memerangi pegganas tidak akan membuahkan hasil. Tetapi menangani punca-punca keganasan akan membuahkan hasil."

Beliau turut menggesa bagi peralihan paradigma dan corak pemikiran baru bagi menamatkan Perang Dunia Ketiga itu, menyatakan apa yang diperlukan ialah kemenangan di kedua-dua belah pihak dengan kedua-dua belah pihak saling mendapat manfaatnya.

"Dunia ini cukup besar dan kaya bagi semua orang. Tidak perlu mengaut semuanya untuk diri sendiri. Penyelesaian saling bermanfaat bagi semua pihak bukan perkara mustahil."

Dr Mahathir yakin sekiranya manusia dapat mengatasi perasaan marah, niat untuk membalas dendam dan sifat tamak tanpa batasan, mereka akan dapat menguruskan dunia dengan baik dan menaruh kepercayaan dan akhirnya mencapai pentadbiran baik.

Pada sesi soal jawab kemudiannya, perdana menteri bercakap mengenai Amerika Syarikat dan tahap kepercayaan beliau terhadap kuasa besar itu.

"Pada awalnya, kepercayaan saya terhadap Amerika Syarikat adalah sepenuhnya. Tetapi baru-baru ini, kepercayaan itu di tahap paling rendah," katanya.

Seorang Senator Republican Amerika Syarikat dari Ohio, Robert Portman, yang turut menyampaikan ceramah pada sesi pleno itu menyifatkan kenyataan Dr Dr Mahathir sebagai amat lantang.

"Saya gembira kerana anda membuat kenyataan itu di sini," katanya.

Penceramah lain pada sesi yang dipengerusikan oleh David R.Gergen dari Universiti Harvard itu ialah bekas Archbishop of Canterbury Lord Carey of Clifton, Ketua Pegawai Eksekutif DuPont USA, Charles O.Holliday Jr dan Pengarah Eksekutif Pemerhati Hak Asasi Manusia Amerika Syarikat, Kenneth Roth.

Perdana Menteri dijadual turut serta dalam dua lagi sesi pada Jumaat.

-- BERNAMA

AU AZZ RHM